

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENENTUAN IDENTITI DIRI REMAJA MELAYU

Wan Sallha Yusoff, Nurul Syazwani Zulkifli, Ahmad Fahmi Mahmood &amp; Noor Asliza Abdul Rahim

Emel: [wansallha@unimap.edu.my](mailto:wansallha@unimap.edu.my)/ [nsyazwani@unimap.edu.my](mailto:nsyazwani@unimap.edu.my)/ [fahmi@unimap.edu.my](mailto:fahmi@unimap.edu.my)/  
[asliza@unimap.edu.my](mailto:asliza@unimap.edu.my)**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi remaja lelaki dan perempuan Melayu dalam menentukan identiti diri mereka. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak. Responden dipilih dalam kalangan remaja Melayu dan merupakan pelajar dalam bidang kejuruteraan dan perniagaan, dari tahun satu sehinggalah tahun empat. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package For The Social Sciences"(SPSS). Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaysia Perlis yang berumur dalam lingkungan umur 19-25 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara faktor-faktor pengaruh ibu bapa, ekonomi, rakan sebaya, pendidikan dan media massa dengan pembentukan identiti diri pelajar lelaki Melayu. Sebaliknya bagi pelajar wanita perhubungan positif hanya wujud di antara faktor-faktor pengaruh ibu bapa, pendidikan dan ekonomi dalam pembentukan diri pelajar wanita Melayu.

**Kata kunci:** *Identiti diri/ sendiri, Ibu bapa, Pendidikan, Ekonomi, Rakan Sebaya, Media Massa* adalah kerana remaja merupakan aset terpenting

**Pengenalan**

Melalui perubahan arus ekonomi moden dan kesan globalisasi, krisis identiti manusia semakin menjadi-jadi. Khususnya remaja yang memang secara lumrah dan semula jadi mencari identiti untuk diri mereka sendiri. Kebanyakan remaja tidak dapat memahami makna identiti dan jati diri. Jati dirinya lemah kerana ia dibentuk daripada imej-imej yang bukan realiti. Setiap kali ada sahaja perkembangan baru dalam dunia fesyen dan trend masa kini, remaja pasti akan cuba mengikuti trend tersebut. Kalau dulu rock, kemudian *rap, skin head, breakdance dan hoppers*, kini *shuffle* menjadi trend semasa. Sesekali berjalan di kota, pasti kelihatan di tepi-tepi jalan remaja-remaja bahkan yang masih hingusan dan bersekolah melepak dan bershuffle mengikut rentak muzik. Fenomena ini bukan sahaja mempengaruhi remaja kota tetapi telah mampu menyerang pinggiran kota atau di desa. Pengaruh yang kuat ke atas para remaja sudah tentu tidak dapat dinafikan lagi kerana ianya sudah menjadi lumrah alam, jiwa-jiwa ini ingin mencari identiti sendiri. Mereka sanggup melabur ratusan ringgit semata-mata untuk tampil tampan, bergaya dan mengikut trend.

Namun, perlu kah ianya dibiarkan begitu sahaja? Jawapannya tentulah tidak. Ini

sesebuah negara. Melalui penterjemahan identiti remaja pada masa sekarang sebenarnya dapat menggambarkan ciri-ciri atau identiti pemimpin pada masa hadapan. Apatah lagi apabila identiti gentian ini mampu menular kepada remaja berpendidikan tinggi seperti penuntut di IPTA dan IPTS. Sungguh besar harapan negara untuk melihat pelajar-pelajar tersebut mampu menjadi pemimpin yang gemilang dan berkeperibadian tinggi. Setelah melangkah masuk ke gerbang universiti, para pelajar seharusnya perlu sedar dari hidup berangan-angan. Tanpa matlamat dan hala tuju hidup yang jelas tidak mungkin harapan negara dapat dicapai.

Menurut pandangan tokoh akademik Profesor Diraja Ungku Aziz (2005), kebanyakan remaja di negara ini kini menghadapi krisis identiti yang menyebabkan golongan ini tidak tahu membuat sesuatu keputusan. Oleh yang demikian, beberapa kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah remaja kini memandangkan mereka merupakan generasi pelapis negara di masa depan. Di samping itu, remaja juga perlu dididik untuk berfikir terutama para remaja di universiti bagi membentuk personaliti mereka.

Profesor Diraja Ungku Aziz (2005) juga menambah bahawa, nisbah lelaki yang hidup dalam angan-angan jauh lebih besar berbanding wanita, boleh dikatakan dua pertiga. Majoriti remaja wanita lebih stabil, kurang angan-angan dan ada imej yang jelas tentang matlamat hidup masa depan. Itu sebabnya sekitar 70 peratus pelajar di universiti hari ini ialah wanita. Ini bukti bahawa jati diri gantian ini mempengaruhi lebih ramai lelaki berbanding wanita. Malah kalau kita kaji, remaja lelaki Melayu jugalah yang paling banyak di pusat permainan video. Remaja wanita tidak banyak yang bermain permainan video kerana mereka lebih realistik. Mereka ada cita-cita dan mahukan kebebasan. Mereka tahu kalau ada kerja, mereka ada kebebasan. Cita-cita mereka realistik. Krisis identiti ini lebih bahaya dalam kalangan lelaki berbanding wanita. Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz (2005) kalau kita hendak membina Melayu yang unggul kita perlu mengukuhkan jati diri terutamanya dalam kalangan remaja lelaki. Kita harus ada keseimbangan kuasa dalam masyarakat antara lelaki dan wanita.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan identiti diri remaja Melayu di IPTA dan perbezaannya di antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Hasil dapatan kajian ini dilihat mampu menjadi nilai tambah kepada penentuan sebab-sebab berlakunya perubahan identiti di antara pelajar perempuan Melayu dan lelaki Melayu.

## Sorotan Kajian

### Definisi Remaja

Perkataan “remaja” berasal dari bahasa latin iaitu *adolescere* yang bererti *to grow* atau *to grow maturity* (Golinko, 1984 dalam Rice, 1990). Banyak tokoh yang memberikan definisi berkaitan remaja, seperti DeBrun (dalam Rice, 1990) mendefinisikan remaja sebagai jangka waktu pertumbuhan antara masa kanak-kanak dengan masa dewasa. Papalia dan Olds (2001) tidak memberikan pengertian remaja (*adolescent*) secara eksplisit melainkan secara implisit melalui pengertian masa remaja (*adolescence*). Menurut Papalia dan Olds (2001), masa remaja adalah masa transisi perkembangan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa yang pada umumnya dimulai pada usia 12 atau 13 tahun dan berakhir pada usia akhir belasan tahun atau awal dua puluhan tahun.

Menurut Adams & Gullota (dalam Aaro, 1997), masa remaja meliputi usia antara 11 hingga 20 tahun. Sedangkan Hurlock (1990) membahagikan masa remaja menjadi masa remaja awal (13 hingga 16 atau 17 tahun) dan masa remaja akhir (16 atau 17 tahun hingga 18 tahun). Masa remaja awal dan akhir dibezakan oleh Hurlock kerana pada masa remaja akhir individu telah mencapai transisi perkembangan yang lebih mendekati masa dewasa.

Papalia & Olds (2001) berpendapat bahawa masa remaja merupakan masa antara kanak-kanak dan dewasa. Sedangkan Anna Freud (dalam Hurlock, 1990) berpendapat bahawa pada masa remaja terjadi proses perkembangan meliputi perubahan-perubahan yang berhubungan dengan perkembangan psiko seksual, dan juga terjadi perubahan dalam hubungan dengan ibu bapa dan cita-cita mereka, di mana pembentukan cita-cita merupakan proses pembentukan orientasi masa depan. Transisi perkembangan pada masa remaja bererti sebahagian perkembangan masa kanak-kanak masih dialami namun sebahagian kematangan masa dewasa sudah dicapai (Hurlock, 1990).

Oleh yang demikian, kajian ini lebih memfokuskan kepada masa di akhir remaja iaitu ketika remaja tersebut mencapai transisi perkembangan yang lebih mendekati masa dewasa dan dikatakan mampu untuk memberi pendapat dan membuat keputusan sendiri.

### Perkembangan Identiti Menurut Teori Perkembangan Keperibadian Erik Erikson

Berdasarkan kepada golongan sasaran kajian yang lebih tertumpu kepada golongan remaja yang berusia di antara 19 hingga 24 tahun, identiti remaja dapat dilihat melalui teori perkembangan keperibadian yang dikemukakan oleh Erik Erikson. Beliau telah membahagikan remaja kepada dua golongan utama. Golongan pertama iaitu remaja pada usia 18 hingga 20 tahun (*adolescence*). Pada ketika ini remaja akan menghadapi situasi kecenderungan identiti (identiti ego) lawan ‘*identity confusion*’ identiti kekacauan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh persiapan ke arah kedewasaan ditambah oleh kemampuan dan kecekapan yang mereka miliki dalam membentuk dan memperlihatkan identiti dirinya yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Identiti ego sering memaksa remaja untuk mempamerkan tahap kenakalannya yang ekstrem atau berlebihan sehingga mereka menganggap segala tindakan mereka adalah betul dan tidak menyimpang

dalam kelompoknya. Golongan remaja ini bersifat ego dan merasakan apa yang mereka lakukan adalah betul dan tidak perlu dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Namun, keegoan ini adalah penting sekiranya mereka telah kenal siapa diri mereka dan mampu mempamerkan sikap-sikap yang baik. Sebaliknya, sekiranya mereka masih tidak mengenali siapa diri mereka di tengah-tengah masyarakatnya, golongan remaja ini secara tidak langsung akan mengalami kekacauan identiti. Sekiranya identiti ego melebihi kekacauan identiti, remaja tersebut tidak akan memberi ruang toleransi dalam masyarakat yang hidup bersama dalam lingkungannya kerana bagi mereka pemikiran, cara atau jalan mereka adalah yang terbaik.

Sebaliknya, jika kekacauan identiti lebih kuat dibandingkan dengan identiti ego maka, Erikson menyebut situasi ini dengan sebutan pengingkar. Orang yang memiliki sifat ini mengingkari keanggotaannya di dunia orang dewasa atau masyarakat akibatnya mereka akan mencari identiti di tempat lain yang merupakan sebahagian dari kelompok yang menyingkir dari tuntutan sosial yang mengikat serta ingin diterima dan mengakui mereka sebagai sebahagian daripada kelompok tersebut. Akhirnya, jika identiti ego dan kekacauan identiti ini dapat berlangsung secara seimbang, di mana kesetiaan memiliki makna tersendiri iaitu kemampuan hidup berdasarkan standard yang berlaku di tengah masyarakat, maka remaja ini akan terlepas dari segala kekurangan, kelemahan, dan ketidakkonsistennya.

Bagi remaja golongan kedua iaitu di antara usia 21 hingga 24, remaja akan mengalami tahap keintiman lawan isolasi. Jika pada masa sebelumnya, individu memiliki ikatan yang kuat dengan kelompok sebaya, namun pada masa ini ikatan kelompok sudah mulai longgar. Mereka sudah mulai selektif dan membina hubungan yang intim hanya dengan orang-orang tertentu yang sefahaman dengan mereka sahaja. Pada tahap ini menurut Erikson, remaja ingin bergaul dan berkomunikasi dengan orang lain dan berusaha menghindarkan diri daripada sikap menyendiri. Akan tetapi, peristiwa ini akan memiliki pengaruh yang berbeza apabila seseorang dalam tahap ini tidak mempunyai kemampuan untuk menjalin reaksi dengan orang lain secara baik sehingga akan tumbuh sifat merasa terisolasi. Sekiranya sifat ini timbul, remaja tersebut akan merasakan terlalu bebas, sehingga mereka dapat berbuat sesuka hati tanpa mempedulikan dan merasa tergantung pada segala bentuk hubungan

misalnya dalam hubungan dengan sahabat, jiran, bahkan dengan orang yang mereka cintai.

Oleh sebab itu, kecenderungan antara keintiman dan isolasi perlu seimbang dan memperoleh nilai yang positif iaitu cinta. Dalam konteks teorinya, cinta bererti kemampuan untuk menyemai segala bentuk perbezaan dan keangkuhan disebabkan perasaan saling memerlukan. Konsep cinta yang dimaksudkan di sini tidak hanya tertumpu kepada hubungan kekasih tetapi juga hubungan dengan orang tua, jiran, sahabat, dan lain-lain.

### **Krisis Identiti Diri Remaja Melayu**

Apabila masyarakat meletakkan golongan pelajar sebagai pewaris kepimpinan negara pada masa depan, perkembangan semasa pelajar haruslah diteliti semula kerana ianya dilihat sebagai satu kepentingan jangka panjang yang perlu diurus sebaik mungkin. Krisis identiti yang dihadapi oleh pelajar masa kini cukup membimbangkan. Justeru, kepentingan pengurusan krisis dalam aspek pelajar ini perlu diteliti semula dan ditangani dengan bijak. Penyelesaian yang dilakukan perlulah melihat kepada semua aspek dan bukanlah hanya penyelesaian sementara yang akhirnya pelajar masih mengalami sindrom lupa diri dan berlagak pandai tetapi bodoh. Justeru itu, tahap sendiri positif yang ada pada para pelajar dilihat mampu dijadikan sebagai kayu pengukur kepada tahap pembentukan identiti yang ada pada setiap pelajar tersebut. Tahap kesedaran sendiri adalah keadaan di mana seseorang mempunyai pengetahuan mengenai kesedaran, kefahaman mengenai dirinya, persekitarannya dan Penciptanya.

Namun tidak dinafikan juga, melalui perkembangan sendiri setiap manusia sudah pasti akan terpengaruh oleh pelbagai faktor yang mampu mempengaruhi identiti diri mereka. Permasalahannya di sini, terdapat dua krisis yang dialami oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang dialami oleh pelajar iaitu krisis identiti dan krisis salah laku. Menurut Syed Muhammad (2001) krisis ini berlaku kerana, kita berhadapan dengan cabaran yang dicetuskan oleh falsafah dan sains Barat Modern, termasuk teknologi dan ideologinya. Cabaran ini mengancam nilai, perilaku, pemikiran, kepercayaan dan cara hidup kita supaya kita berubah dengan kehendak pandangan alam sekular ini. Tempiasnya juga mengena kepada golongan pelajar kita.

Sistem pendidikan yang menjadi teras pembinaan dan pengembangan ilmu pengetahuan semakin terdesak bagi menangani krisis yang dialami pelajar. Golongan pelajar menjadi sasaran perkembangan ini sehingga krisis yang melibatkan pelajar begitu runcing dan berat. Namun, masalah pendidikan tidak seharusnya dilihat sebagai satu tompokan besar di atas kanvas walaupun masalah itu memungkinkannya berkaitan satu sama lain.

Terdapat beberapa faktor utama yang ditekankan dalam kajian ini di mana faktor-faktor ini dilihat mampu mempengaruhi remaja dalam menentukan identiti mereka iaitu faktor ibu bapa, ekonomi, rakan sebaya, pendidikan dan media massa. Ibu bapa menjadi 'role model' dalam kehidupan remaja. Bagi ibu bapa yang bermasalah, kekeliruan ini akan lebih membebaskan anak-anaknya yang sedang mencari-cari identiti dan arah hidupnya. Sesetengah ibu bapa pula gagal membentuk jati diri anak-anak mereka kerana lebih mementingkan dunia dari aspek-aspek kerohanian yang berteraskan keimanan. Remaja yang tidak mendapat kasih sayang dan tumpuan sewajarnya daripada ibu bapa dan keluarga akan mendapatkannya daripada orang luar, termasuk rakan sebaya. Rakan sebaya merupakan orang yang lebih rapat dengan mereka selain daripada ibu bapa kerana kebanyakan masa diluangkan bersama rakan.

Remaja lebih selesa untuk berkongsi masalah dengan rakan sebaya mungkin kerana mereka mempunyai pendapat yang sama. Selain dua faktor utama tersebut, faktor ekonomi juga dilihat mampu mempengaruhi identiti remaja. Tidak semua remaja berasal daripada keluarga yang berkemampuan. Terdapat segelintir remaja yang hidup dalam kemiskinan. Faktor ekonomi inilah yang kadang-kadang menjadi punca remaja keliru dalam mencari identiti diri. Kemiskinan dianggap oleh segelintir remaja sebagai halangan kepada mereka untuk berjaya. Namun, sekiranya faktor pendidikan diletakkan di tahap teratas dalam pembentukan identiti diri mereka, permasalahan pembentukan identiti tidak lagi dirisaukan kerana melalui pendidikan manusia akan kenal diri mereka sebenarnya. Tetapi sebaliknya sekiranya remaja masih terpengaruh oleh pengaruh negatif dari faktor media massa, sebagai contoh, pengaruh-pengaruh iklan, televisyen, video dan media cetak pembentukan sendiri pelajar dikhuatiri akan lebih mengelirukan mereka. Stesen-stesen televisyen kini lebih menonjolkan program-program bercorak realiti TV negatif dan hiburan yang melampau mampu

mengubah identiti sebenar remaja kepada identiti gantian yang terpengaruh oleh idola mereka. Oleh yang demikian, kelima-lima faktor ini dilihat penting untuk dikaji bagi menilai faktor yang mempengaruhi pembentukan identiti remaja.

### **Persoalan, Objektif dan Kepentingan Kajian**

Remaja merupakan pewaris kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. Remaja pada masa lalu menghubungkan diri dengan isu-isu perjuangan ke arah membangunkan negara. Namun kemajuan yang dicapai dalam dunia tanpa sempadan ini menyebabkan remaja terjebak dengan kemelut sosial yang merimaskan dan terpaut dengan pemikiran hedonistik yang mengasyikkan dan alpa kepada tanggungjawab bina-ilmu dan bina-negara dan lebih ekstrem (Sidek Baba, 2006) Menurut pandangan tokoh akademik Profesor Diraja Ungku Aziz (2005) Kebanyakan remaja di negara ini kini menghadapi krisis identiti yang menyebabkan golongan ini tidak tahu membuat sesuatu keputusan. Masalah ini amat membimbangkan kerana dikatakan nisbah lelaki yang hidup dalam angan-angan jauh lebih besar berbanding wanita, boleh dikatakan dua pertiga daripada mereka tidak jelas akan matlamat hidup.

Dalam hal ini timbul persoalan adakah benar majoriti remaja wanita lebih stabil, kurang angan-angan dan ada imej yang jelas tentang matlamat hidup masa depan berbanding remaja lelaki? Dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan identiti remaja lelaki berbanding remaja wanita?

Berikutan itu pengkaji merasakan satu kajian perlu dijalankan bagi melihat tahap sendiri/ identiti diri yang perlu ada pada pelajar lelaki dan pelajar perempuan dan mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan identiti remaja tersebut dan juga melihat perbezaannya di antara pelajar lelaki dan pelajar wanita. Mudah-mudahan, kajian ini dapat membantu menyelesaikan persoalan yang dikemukakan dan mampu memberi nilai tambah kepada Kementerian Pendidikan khususnya dan masyarakat amnya dalam memurnikan kaedah atau modul yang telah atau bakal dijalankan berkaitan dengan permasalahan krisis identiti diri remaja ini.

### **Metodologi dan Sampel Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data diperoleh menerusi soal selidik yang dijalankan dalam kalangan pelajar UniMAP. Sebanyak 300 soal selidik diedarkan dan kesemuanya dikembalikan. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak bebas yang melibatkan semua pelajar kejuruteraan dan perniagaan, dari tahun satu sehinggalah tahun empat. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Menurut Sekaran (2000), soalan kaji selidik merupakan mekanisme yang lebih efektif kerana sasaran responden boleh dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih baik. Responden terdiri dari 50% pelajar lelaki dan 50% pelajar wanita dan kesemuanya adalah kaum Melayu. Data dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package For The Social Sciences". Demografi kajian dibentangkan dalam bentuk kekerapan dan peratus manakala perhubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar akan dilihat melalui signifikan kajian dan skala yang digunakan adalah Likert 5-skala. Batasan kajian ini merupakan satu tinjauan dan segala dapatan dirujuk kepada responden sahaja. Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan sorotan kajian yang dinyatakan pada bahagian awal kajian, terdapat 5 hipotesis yang dapat dibina untuk menguji sama ada terdapat kebenaran terhadap hubungan teori yang dikemukakan.

Formula hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- H1: Terdapat hubungan signifikan di antara faktor pengaruh ibu bapa dengan tahap kendiri positif pelajar
- H2: Terdapat hubungan signifikan di antara faktor pengaruh ekonomi dengan tahap kendiri positif pelajar
- H3: Terdapat hubungan signifikan di antara faktor pengaruh rakan sebaya dengan tahap kendiri positif pelajar
- H4: Terdapat hubungan signifikan di antara faktor pengaruh pendidikan dengan tahap kendiri positif pelajar
- H5: Terdapat hubungan signifikan di antara faktor pengaruh media massa dengan tahap kendiri positif pelajar

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian adalah bertujuan untuk mencapai objektif utama kajian ini iaitu untuk melihat perhubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan identiti pelajar Melayu dan perbezaannya di antara pelajar lelaki dan wanita.

### Demografi kajian pelajar lelaki

Berdasarkan demografi kajian, majoriti responden ialah pelajar lelaki iaitu sebanyak 76.7% yang berusia 21 tahun ke bawah dengan kekerapannya sebanyak 115 pelajar. Peratusan lokasi kediaman mereka adalah lebih kurang sama iaitu 52% tinggal luar bandar dan 48% lagi tinggal di kawasan Bandar. Daripada kajian juga menunjukkan majoriti pelajar tinggal bersama ibu bapa (88.7%, 133 orang). Kebanyakannya berpendapatan sekitar RM2,000 ke bawah (42.7%, 64 orang) dan RM1,000 ke bawah (32.7%, 49 orang). Berkaitan dengan matlamat dan pencapaian akademik mereka, Majoriti dari pelajar tersebut (52.6%, 80 orang) menyatakan bahawa mereka masih belum mempunyai matlamat yang jelas dan keputusan CGPA mereka adalah 42.8% berada di kelas dua atas, 36.2% berada di kelas dua bawah dan selebihnya berada di kelas satu (11.2%) dan kurang dari 2.50 CGPA sebanyak (8.6%).

### Demografi kajian pelajar perempuan

Manakala demografi kajian pelajar wanita pula, seramai 99 orang pelajar (66%) adalah berusia di bawah 21 tahun dan selebihnya berusia lebih dari 21 tahun. Keseimbangan lokasi kediaman mereka juga lebih kurang sama iaitu 50.7% tinggal di kawasan bandar dan 49.3% tinggal di kawasan luar bandar pelajar wanita juga majoriti (91.3%) dari mereka juga masih dijaga oleh kedua-dua ibu bapa dengan pendapatan majoritinya RM2,000 ke bawah (40%, 60 orang) dan diikuti dengan pendapatan RM1,000 ke bawah (28.7%, 43 orang). Berkaitan dengan matlamat dan pencapaian akademik mereka pula, majoriti daripada pelajar tersebut (73.3%, 110 orang) menyatakan bahawa mereka telah mempunyai matlamat yang jelas dan keputusan CGPA mereka adalah 51.3% berada di kelas dua atas, 41.3% berada di kelas dua bawah dan selebihnya berada di kelas satu (3.3%) dan kurang dari 2.50 sebanyak (4%).

### Perhubungan di Antara Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Identiti Pelajar dengan Tahap Pembentukan Kendiri Pelajar Melayu Lelaki dan Wanita

Bahagian ini untuk menjawab objektif kajian, iaitu melihat tahap kendiri/identiti diri yang ada pada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Seterusnya mengkaji

apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan identiti diri remaja tersebut serta melihat perbezaannya mereka. Rumusan statistik dinyatakan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.1: Mengukur Titik Tengah Dan Pertaburan Data (N=150) Bagi Pelajar Lelaki

Statistik Deskriptif	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Pemboleh ubah bersandar: KENDIRI	150	1.40	5.00	3.8173	.73747
Pemboleh ubah tidak bersandar: IBUBAPA	150	1.20	5.00	4.1720	.74041
Pemboleh ubah tidak bersandar: EKONOMI	150	1.00	5.00	3.4253	.75416
Pemboleh ubah tidak bersandar: RSEBAYA	150	1.40	4.80	3.5413	.70949
Pemboleh ubah tidak bersandar: PENDIDIKAN	150	1.00	5.00	4.1453	.84944
Pemboleh ubah tidak bersandar: MMASSA	150	1.00	5.00	3.3503	.72931
Valid N (listwise)	150				

Kesemua persoalan yang diajukan adalah berdasarkan kepada Likert berskala 5. Berdasarkan jadual 4.1 di atas dapat dirumuskan bahawa mean bagi pemboleh ubah bersandar adalah pada tahap sederhana iaitu pada kadar 3.8173 manakala mean bagi pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu pengaruh ibu bapa dan pendidikan menunjukkan mean di tahap tinggi (4.1720 dan 4.1453) manakala bagi pengaruh ekonomi (3.4253), rakan sebaya

(3.5413) dan media massa (3.3503) min berada di tahap sederhana.

Jadual 4.2: Mengukur Titik Tengah Dan Pertaburan Data (N=150) Bagi Pelajar Perempuan

Statistik Deskriptif	N	Minimum	Mean	Std. Deviation
Pemboleh ubah bersandar: KENDIRI	150	2.60	3.7813	.49064
Pemboleh ubah tidak bersandar: IBUBAPA	150	2.80	4.4453	.42357
Pemboleh ubah tidak bersandar: EKONOMI	150	2.00	3.5867	.52618
Pemboleh ubah tidak bersandar: RSEBAYA	150	2.00	3.6653	.59910
Pemboleh ubah tidak bersandar: PENDIDIKAN	150	3.40	4.4280	.43475
Pemboleh ubah tidak bersandar: MMASSA	150	1.40	3.4053	.64546
Valid N (listwise)	150			

Persoalan yang sama dengan skala Likert 5 juga diajukan kepada pelajar perempuan. Berdasarkan kepada jadual 4.2 di atas dapat dirumuskan bahawa mean bagi pemboleh ubah bersandar pelajar wanita adalah pada tahap sederhana iaitu 3.7813 manakala mean bagi pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu pengaruh ibu bapa (4.4453) dan pendidikan (4.4280) masih menunjukkan mean di tahap tinggi manakala bagi pengaruh rakan sebaya (3.6653), ekonomi (3.5867) dan media massa (3.4053) mean berada di tahap sederhana.

#### 4.4 Matriks Kolirasi Di Antara Pemboleh Ubah Bersandar Dan Tidak Bersandar

Jadual 4.3 Korilasi Pearson (n=150) bagi pelajar lelaki

	KENDIRI	IBUBAPA	EKONOMI	RSEBAYA	PENDIDIKAN	MMASSA
KENDIRI	1	.515**	.406**	.309*	.669**	.213**
Pearson Correlation						

IBUBAPA	Pearson Correlation	.515**	1	.140*	.414*	MMASS/ Pearson Correlation	-0.4	.4	.4	0
EKONOMI	Pearson Correlation	.406**	.140*	1	.416*					
RSEBAYA	Pearson Correlation	.309**	.414**	.416**	1					
PENDIDIKAN	Pearson Correlation	.669**	.632**	.236**	.348*					
MEDIA MASSA	Pearson Correlation	.213**	.030	.519**	.430*					

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).  
 \* . Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).  
 \* . Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

Bagi remaja wanita pula, hanya pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan pendidikan sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sendiri pelajar. Walau bagaimanapun, pengaruh ekonomi masih menunjukkan perhubungan yang kurang signifikan iaitu pada  $r=0.160$  atau  $p<0.05$ .

**4.5 Rumusan Analisis Kajian**

Berdasarkan kajian di atas dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara faktor-faktor pengaruh ibu bapa, ekonomi, rakan sebaya, pendidikan dan media massa dengan pembentukan identiti diri pelajar lelaki Melayu. Sebaliknya bagi pelajar wanita perhubungan positif hanya wujud di antara faktor-faktor pengaruh ibu bapa, pendidikan dan ekonomi dengan pembentukan diri pelajar wanita Melayu.

Merujuk kepada jadual 4.3 di atas dapat dilihat bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh ibu bapa, ekonomi, rakan sebaya, pendidikan dan media massa dengan pembentukan sendiri/ identiti diri remaja lelaki iaitu kesemuanya signifikan pada kadar 0.01.

**5.0 Kesimpulan Kajian**

Melalui kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kelima-lima faktor iaitu pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, media massa, ekonomi dan pendidikan mempunyai hubungan signifikan dengan pembentukan sendiri atau identiti diri remaja Melayu. Walau bagaimanapun, bagi remaja lelaki kelima-lima faktor tersebut sangat signifikan dalam membantu mereka membentuk identiti diri/ sendiri. Dalam keadaan ini, remaja lelaki masih dibelenggu dengan kekacauan identiti (1973) di mana mereka tidak mampu untuk membuat keputusan sendiri dan apa yang lebih membingungkan remaja lelaki dilihat tidak jelas tentang matlamat hidup mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka tergolong dalam lingkungan awal remaja yang masih mencari-cari identiti diri yang bagaimana perlu diikuti.

Ini berbeza dengan remaja perempuan di mana hanya faktor pengaruh ibu bapa dan pendidikan sahaja yang dilihat sangat mempengaruhi mereka dalam menentukan identiti diri. Namun begitu faktor ekonomi menunjukkan sedikit sahaja signifikan dalam penentuan identiti diri remaja perempuan. Berdasarkan dapatan ini jelas menunjukkan bahawa remaja perempuan mempunyai kecenderungan identiti atau identiti ego seperti

**Jadual 4.4 Korilasi Pearson (n=150) bagi pelajar wanita**

	KEND	IBUBAPA	EKONOMI	RSEBAYA	PENDIDIKAN	MMASSA
KENDIRI	1	.2	.1	.0	.2	.0
IBUBAPA	.2	1	.2	.2	.2	.0
EKONOMI	.1	.2	1	.4	.2	.2
RSEBAYA	.0	.2	.4	1	.2	.2
PENDIDIKAN	.2	.2	.2	.2	1	.2
MMASSA	.0	.0	.2	.2	.2	1

yang dinyatakan oleh Erik Erikson(1973). Mereka mempunyai matlamat hidup yang jelas dan mampu untuk membuat keputusan sendiri tanpa perlu dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam persekitaran masyarakat. Identiti diri jenis ini amat baik jika remaja dapat menyeimbangkan diri mereka dengan faktor persekitaran dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha menangani masalah krisis identiti diri dalam kalangan remaja Melayu khususnya. supaya generasi akan datang mempunyai imej diri yang unggul. Ini kerana identiti remaja berkait rapat dengan jenis kepimpinan dan golongan yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Ia menentukan sama ada remaja adalah pendukung idealisme bina negara atau menjadi beban yang berpanjangan kepada masyarakat.(Sidek Baba , 2006)

#### Bibliografi

- Beyth-Marom, R., Austin, L., Fischhoff, B., Palmgren, C., & Jacobs-Quadrel, M. (1993). Perceived consequences of risky behaviors: Adults and adolescents. *Journal of Developmental Psychology*, 29(3), 549-563
- Conger, J.J. (1991). *Adolescence and youth* (4th ed). New York: Harper Collins
- Hurlock, E. B. (1990). *Developmental psychology: a lifespan approach*. Boston: McGraw-Hill.
- Hurlock, E. B. (1973). *Adolescent development*. Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha. Kendra Cherry, **Erikson's Theory of Psychosocial Development**, Psychosocial Development in Infancy and Early Childhood, <http://psychology.about.com/od/theoriesofpersonality/a/psychosocial.htm>
- Mohd Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim (2008), **Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun**, Dalam **Jurnal Hadhari**, Institut Islam Hadhari Ukm, V. 1, 2008
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). **Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Papalia, D E., Olds, S. W., & Feldman, Ruth D. (2001). *Human development* (8th ed.). Boston: McGraw-Hill
- Rice, F.P. (1990). *The adolescent development, relationship & culture* (6th ed.). Boston: Allyn & Bacon
- Samsudin A. Rahim Prof. Dr. Media Dan Generasi Muda, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Santrock, J.W. (2001). *Adolescence* (8th ed.). North America: McGraw-Hill.
- Sekaran, U., (2000), "Research methods for business: A skill building approach", 3<sup>rd</sup> Edition, *John Wiley and sons*, New York.
- Sharin Sahad (1998), **Masalah Sosial: Krisis Identiti Menghantui Remaja**, **Bernama**, 26-07-1998
- Sidek Baba Prof. Dr (2006), **Kecelaruhan Identiti Remaja Banyak Sebabnya**, **Bernama**, 19-01-2006
- Syz Hm Kay (2005), **Remaja Alami Krisis Identiti, Kata Ungku Aziz**, **Bernama**, 17-07-2005
- Santrock, J.W. (2001). *Adolescence* (8th ed.). North America: McGraw-Hill.